

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROSES SEBUTHARGA SEMASA
TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP), PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROSES SEBUTHARGA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1.0 Iklan / Kenyataan Sebutharga

- 1.1 Semua sebutharga yang hendak dibuka perlu dimuatnaik dan dipamerkan iklan / kenyataan sebutharga di pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/swasta/iklan-tender-a-sebutharga.html>
- 1.2 Semua penyebutharga yang berminat hendaklah mendaftar dan mengisi maklumat yang diperlukan di pautan <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeyQZKhUTV7eLX49hWfQNTlSX7HA510eXo6u9Z-ojEWwja9lQ/viewform> sebelum atau pada tarikh dan masa yang dinyatakan di dalam iklan / kenyataan sebutharga.
- 1.3 Penetapan sesi bagi masa lawatan dan kaedah taklimat akan ditentukan oleh pihak Jabatan sekiranya perlu dan akan dipamer /dimaklumkan semula di pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/berita-jabatan/932-senarai-kumpulan-lawatan-tapak-sebutharga.html>
- 1.4 Masa lawatan tapak akan dilaksanakan secara berkumpulan iaitu < 20 orang pada satu satu sesi dan akan ditentukan kemudian mengikut bilangan penyebutharga yang berdaftar dan akan dimaklumkan semula melalui pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/berita-jabatan/932-senarai-kumpulan-lawatan-tapak-sebutharga.html>

2.0 Lawatan Tapak

- 2.1 Lawatan tapak bagi kerja selain kerja-kerja naiktaraf, ubahsuai, penyelenggaraan / gantian peralatan besar, kerja-kerja yang tidak melibatkan keselamatan, skop yang agak kompleks dan projek reka dan bina adalah tidak diwajibkan dan pihak kontraktor boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan seperti yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga.
- 2.2 Bagi projek dan kerja-kerja naiktaraf, ubahsuai, penyelenggaraan / gantian peralatan besar, kerja-kerja yang melibatkan keselamatan, skop yang agak kompleks dan projek reka dan bina, lawatan tapak perlu dilaksanakan dan bilangan kehadiran pada suatu-suatu masa perlu dihadkan atau dilaksanakan secara berperingkat mengikut tempoh yang munasabah.

- 2.3 Semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti penjarakkan sosial, pemakaian topeng muka dan penggunaan *hand sanitizer* adalah wajib dipatuhi semasa lawatan tapak. Selain itu, Borang Saringan Kesihatan perlu diisi oleh setiap penyebutharga yang hadir ke sesi lawatan tapak.
- 2.4 Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan sesalinan :
- a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).

3.0 Taklimat Sebutharga

- 3.1 Bagi memastikan maklumat berkaitan skop atau spesifikasi sebutharga adalah jelas, maklumat terperinci mengenai skop atau spesifikasi hendaklah disampaikan melalui taklimat sebutharga semasa sesi lawatan tapak dijalankan; atau
- 3.2 Bagi kerja-kerja yang tidak mewajibkan lawatan tapak, taklimat sebutharga perlu disampaikan kepada penyebutharga secara terperinci dan jelas secara atas talian atau kaedah-kaedah lain yang dirasakan bersesuaian.

4.0 Penjualan Dokumen

- 4.1 Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga RM 20.00 senaskhah kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **“BENDAHARI NEGERI PERAK”**. Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**.
- 4.2 Kontraktor-kontraktor hendaklah mengemukakan bersama Sijil Pendaftaran Asal yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Resit Pendaftaran Syarikat dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- 4.3 Dokumen Sebutharga boleh dibeli mengikut tarikh yang ditetapkan di dalam Iklan / Kenyataan Sebutharga.

- 4.4 Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat **No. Sebutharga** dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di Bilik Tender, Aras G, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam Iklan / Kenyataan Sebutharga.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

5.0 Proses Perolehan Kerja Sebutharga

Seperti di **Lampiran 1**.

6.0 Penutup

Garis Panduan ini adalah terpakai sepanjang tempoh PKP sehingga suatu arahan rasmi pembatalan pematuhan terhadap SOP semasa dikeluarkan oleh KKM.

CARTA ALIR PROSES PEROLEHAN SEBUTHARGA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

J/K PENILAIN

SPESIFIKASI

Nilai Kerja /
Butiran Kerja
/ Lukisan /
Spesifikasi /
Dokumen
Sebutharga

DOKUMEN SEBUTHARGA OLEH PMS

- Hebahan / Iklan / Kenyataan Sebutharga di pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/swasta/iklan-tender-a-sebutharga.html> (Lampiran 2).
- Semua penyebutharga yang berminat hendaklah mendaftar dan mengisi maklumat yang diperlukan di pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/swasta/iklan-tender-a-sebutharga.html> sebelum atau pada tarikh dan masa yang dinyatakan di dalam iklan / kenyataan sebutharga.
- Penetapan sesi dan masa lawatan akan ditentukan oleh pihak Jabatan dan akan dipamer / dimaklumkan semula di pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/berita-jabatan/932-senarai-kumpulan-lawatan-tapak-sebutharga.html>
- Semua penyebutharga yang berdaftar perlu hadir ke sesi lawatan tapak dan membawa sesalinan dokumen seperti yang dinyatakan di dalam iklan/kenyataan sebutharga .

TAKLIMAT SEBUTHARGA & LAWATAN TAPAK

- Bilangan penyebutharga yang hadir ke Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak adalah dihadkan dan dipantau serta dibuat secara berkumpulan <20 orang serta wajib mematuhi Normal Baharu yang ditetapkan oleh KKM.
- Lawatan tapak boleh dilaksanakan di lokasi cadangan projek.

PENJUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- Dokumen sebutharga boleh dibeli di Seksyen PMS bernilai RM20.00 / naskhah.
 - Sebelum membeli dokumen sebutharga, Kontraktor hendaklah membuat pendaftaran Jabatan dan Salinan resit pembayaran dikemukakan bersama ketika membeli dokumen sebutharga.
 - Sebarang urusan pembayaran perlu dilaksanakan di Unit Hasil, JPNPK.

URUSETIA SEBUTHARGA

Penerimaan sebutharga pada tarikh tutup dan sebutharga dibuka oleh JK pembuka sebutharga.

PENYEDIAAN ANGGARAN JABATAN OLEH PMS

URUSETIA SEBUTHARGA

Penyerahan sebutharga kepada JK Penilaian Teknikal DAN / ATAU JK Penilaian Harga bagi tujuan analisa.

URUSETIA SEBUTHARGA

Kemukakan kepada Jawatankuasa Sebutharga untuk tujuan keputusan pemilihan kontraktor berkelayakan.

PEMAKLUMAN KONTRAKTOR

BERJAYA

Surat penawaran dan Surat Setuju Terima dan sediakan inden/LO

Nota :

- JK : Jawatankuasa
- PMS : Pegawai Mengurus Sebutharga

TARIKH IKLAN : 8 JULY 2020

Lampiran 2



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

KENYATAAN SEBUTHARGA



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera sahaja yang berdaftar dengan CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor dan telah berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak di dalam Gred, Kategori, dan Pengkhususan yang berkaitan yang dimiliki 100% rakyat tempatan dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja seperti:-

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK / DRED / KATEGORI & PENGKHUSUSAN SERTA DAERAH DIDAFARKAN	TARIKH TUTUP PEMBERIAN DOKUMEN / MAKLUMAT SYARIKAT	TARIKH LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA PEMBELIAN DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP TAWARAN SEBUTHARGA
1.	PPN.PK. (S) 78/2020	Kerja-Kerja Membina Stor, Menaiktaraf Dataran Tandas & Longkang, Menaiktaraf Kawasan Tapak Khemah, Menaiktaraf Tapak Nepenthes & Tangki Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Taman Eko-Rimba Kledang saoring, Meru, Ipoh, Perak Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE21	Tarikh : 15 July 2020 (Rabu) Masa : Sebelum ata pada 12.00 Tengahari dan isikan di pautan http://www.perakforestry.gov.my/index.php/swasta/iklan-tender-a-sebutharga.html	Tarikh : 20 July 2020 (Isnin) Masa : Akan dimaklumkan kemudian di pautan http://www.perakforestry.gov.my/index.php/berita-jabatan/932-senarai-kumpulan-lawatan-tapak-sebutharga.html Tempat : Taman Eko-Rimba Kledang Saoing, Meru, Ipoh, Perak	Tarikh : Mulai 21 July 2020 (Selasa) Tempat : Seksyen Kejuruteraan Hutan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak : RM 150.00 / Tahun Kalendar * Wajib berdaftar bagi sebarang pembelian dokumen sebutharga Dokumen Sebutharga : RM 20.00 / Naskhah Bayaran Atas Nama : BENDAHARI NEGERI PERAK	Tarikh : 28 July 2020 (Selasa) Masa : 12.00 Tengahari Tempat : Bilik Tender, Bahagian Kewangan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Jadual dan kaedah pelaksanaan Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak akan dimaklumkan kemudian di pautan yang disertakan bagi pemakluman lawatan tapak

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai Taklimat Sebutharga ini adalah diminta untuk membuat pemakluman dan mengemukakan maklumat syarikat beserta nombor telefon ke pautan <http://www.perakforestry.gov.my/index.php/swasta/iklan-tender-a-sebutharga.html> untuk tindakan selanjutnya **sebelum 15 July 2020 (Rabu) jam 12.00 Tengahari.**
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan sesaliran :
 - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - c) Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).
3. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **21 July 2020 (Selasa)** sehingga sehari sebelum tarikh tutup Sebutharga pada waktu pejabat **di Seksyen Kejuruteraan Hutan, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**
4. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos, Kiriman Wang** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai** tidak akan diterima.
5. Bagi tujuan ini, kontraktor-kontraktor hendaklah mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.**

6. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **10 Julai 2020 (Jumaat)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

7. Pemilihan kontraktor yang Berjaya adalah berdasarkan analisa Sistem :Cut-Off". Oleh yang demikian, Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.

b.p. Pengarah Perhutanan Negeri